'ULŪM ISLĀMIYYAH THE MALAYSIAN JOURNAL OF ISLAMIC SCIENCES
Vol.37 No.3 (December) 2025 ISSN: 1675-5936 | eISSN: 2289-4799

Kaedah pembuktian melalui dokumen digital di mahkamah Syariah: Kajian perbandingan antara Malaysia dan Arab Saudi

[Method of evidence through digital documents in the Shariah court: A comparative study between Malaysia and Saudi Arabia]

'Atikah Ahmad[1], Nadia Murshida binti Abd Azzis[1], Marina Abu Bakar[2*], Noor Asyimah Ramli[3]

[1]Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'dzam Shah, Kedah, Malaysia
[2]Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia
[3]Peguambela & Peguamcara, Mahkamah Tinggi Malaya & Peguam Syarie, Noor Asimah & Associates, Malaysia

*Corresponding author: marinaab@uitm.edu.my

DOI: https://doi.org/10.33102/uij.vol37no03.704

Abstrak

Dokumen berbentuk digital telah diguna pakai dalam segenap aspek kehidupan manusia meliputi perbankan, pendidikan, pentadbiran kerajaan, perniagaan dalam talian, urusan guaman, perubatan, serta komunikasi sosial. Teknologi ini juga telah memperkenalkan ruang dan peluang baharu dalam sistem pembuktian di Mahkamah seluruh dunia. Di Malaysia dokumen digital telah digunakan secara meluas di Mahkamah Sivil. Sungguhpun begitu, penggunaan dokumen digital di Mahkamah Syariah masih terhad. Hal yang sama juga berlaku di Mahkamah Arab Saudi walaupun sistem undang-undangnya telah mengiktiraf dokumen digital melalui Evidence Law 2022. Justeru, kajian ini bertujuan menjelaskan hukum pemakaian dokumen digital menurut syarak dan undang-undang serta menganalisis penerimaan dan pemakaian dokumen digital sebagai bukti dalam prosiding Mahkamah Syariah Malaysia dan Arab Saudi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis perbandingan bagi menilai dan membandingkan pendekatan Malaysia dan Arab Saudi terhadap penerimaan dokumen digital sebagai salah satu kaedah pembuktian. Data yang dikumpulkan melalui kajian kepustakaan kemudiannya dianalisis menggunakan analisis kandungan dan perbandingan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua negara telah mengiktiraf bukti digital melalui kerangka undang-undang masing-masing, namun terdapat beberapa kekangan dalam mengaplikasikannya. Kedua-dua negara masih bergelut dengan kekangan praktikal dan ketiadaan garis panduan seragam serta ancaman keselamatan siber. Kajian ini mencadangkan agar Mahkamah Syariah di Malaysia memperkemas dasar pembuktian digital melalui latihan profesional, penggubalan garis panduan yang khusus, serta mengetatkan rantaian kawalan *(chain of custody)* dengan cara menyediakan log audit lengkap yang menunjukkan siapa yang mengakses, menyimpan atau mengubah sesuatu bukti digital.

Kata kunci: Dokumen Digital, Kaedah Pembuktian, Mahkamah Syariah, Malaysia, Arab Saudi.

Manuscript Received Date: 14/06/25 Manuscript Acceptance Date: 07/10/25 Available online: 01/12/25

©The Author(s) (2025). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/), which permits non- commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my

COPE COMMITTEE ON PUBLICATION ETHICS

Abstract

Digital documents have been utilized in various aspects of human life, including banking, education, government administration, online business, legal affairs, healthcare and social communication. This technology has also introduced new avenues and opportunities within the evidentiary systems of courts around the world. In Malaysia, digital documents have been widely used in Civil Courts. However, their application in the Shariah Courts remains limited. A similar situation is observed in the courts of Saudi Arabia, even though its legal system has recognized digital documents under the Evidence Law 2022. Therefore, this study aims to explain the legal position of digital document usage according to Shariah and statutory law, and to analyze the acceptance and application of digital documents as evidence in the Shariah court proceedings of Malaysia and Saudi Arabia. This research adopts a qualitative approach with a comparative analysis design to evaluate and compare the approaches taken by Malaysia and Saudi Arabia regarding the acceptance of digital documents as a method of evidence. Data collected through literature review were analyzed using content and comparative analysis. The findings indicate that both countries have recognized digital evidence within their respective legal frameworks. However, there are several constraints in its implementation. Both countries still face practical challenges, a lack of standardized guidelines, and cybersecurity threats. This study suggests that the Shariah Courts in Malaysia enhance digital evidence procedures through professional training, the development of specific guidelines, and a more stringent chain of custody, by implementing a complete audit log that records who accessed, stored or altered a digital piece of evidence.

Keywords: Digital Documents, Method of Evidence, Shariah Court, Malaysia, Saudi Arabia

1.0 Pendahuluan

Perkembangan pesat teknologi maklumat sehingga menghasilkan dokumen digital telah memberi impak yang besar kepada kehidupan manusia sehingga mengubah landskap sosial, ekonomi, dan undang-undang di seluruh dunia. Secara umumnya, dokumen elektronik dapat ditakrifkan sebagai segala maklumat yang direkod, disimpan, diproses atau dihantar dalam bentuk elektronik. Ini termasuklah e-mel, fail, rakaman audio-video (Suruhanjaya Undang-Undang Malaysia, 2013). Dari sudut perundangan, dokumen digital dan bukti elektronik memainkan peranan yang penting dalam proses pembuktian sesuatu kes mal dan jenayah syariah (Yahya, 2021). Malaysia mempunyai dua sistem mahkamah utama iaitu Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Di Mahkamah Sivil, dokumen digital telah diterima secara rasmi berdasarkan Seksyen 3, Akta Keterangan Mahkamah 1950 yang mentakrifkan dokumen termasuklah "Apa-apa maklumat yang dirakam, disimpan, diproses, atau dihantar dalam bentuk elektronik, optik atau seumpamanya." Mahkamah Syariah juga secara asasnya menerima dokumen digital sebagai kaedah pembuktian dengan disokong oleh inisiatif digitalisasi seperti E-Syariah.

Selain itu, penggunaan dokumen digital turut dilaksanakan dalam sistem perundangan Arab Saudi. Arab Saudi merupakan sebuah negara Arab yang majoriti rakyatnya beragama Islam telah menjadikan undang-undang Islam sebagai undang-undang utama negara. Walaupun berasaskan undang-undang Islam, Arab Saudi telah mengiktiraf dokumen digital untuk tujuan pembuktian melalui Evidence Law 2022, Electronic Transactions Law (2007) dan Law of Procedure before Sharia Court (2000) (Kingdom of Saudi Arabia, Ministry of Justice, 2023). Malah, Arab Saudi telah menubuhkan sistem mahkamah elektronik yang dikenali sebagai Najiz. Walaupun, kedua-dua negara ini menerima dokumen digital sebagai alat pembuktian, tetapi terdapat beberapa kekangan dalam mengaplikasikannya di mahkamah. Antaranya berkaitan isu ketulenan dan kebolehpercayaan serta ketiadaan garis panduan yang khusus dalam mengendalikan bukti digital ini. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menjelaskan hukum pemakaian dokumen digital menurut syarak dan undang-undang serta menganalisis penerimaan dan pemakaian dokumen digital antara Malaysia dan Arab Saudi.

2.0 Sorotan Literatur

Penerimaan dokumen digital di mahkamah telah dibahaskan oleh ramai sarjana antarabangsa dan tempatan. Ali (2020) dalam jurnalnya yang bertajuk "Penerimaan Dokumen Digital Dalam Sistem Perundangan Global" menekankan bahawa sistem kehakiman di negara-negara maju telah menerima bukti digital dan mengadaptasi dalam undang-undang mereka, khasnya berkaitan dengan e-mel, mesej teks, dan lain-lain. Walau bagaimanapun, beliau menyatakan bahawa keperluan untuk mengesahkan keaslian dan ketelusan dokumen digital tetap menjadi isu utama di mahkamah. Kajian ini menunjukkan bahawa teknologi forensik dan kaedah

pengesahan yang lebih ketat diperlukan bagi memastikan integriti bukti digital.

Di Malaysia, Mohamad (2017) menyatakan bahawa penerimaan dokumen digital di Mahkamah Syariah masih dipraktikkan secara ad hoc. Beliau menekankan bahawa Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Akta 561) telah membuka ruang untuk bukti digital diterima di Mahkamah Syariah. Sungguhpun begitu, dokumen digital masih belum diterima secara meluas dalam semua negeri. Kenyataan ini turut disokong oleh Mohd Naim Mokhtar (2018) yang menyatakan bahawa Mahkamah Syariah di Malaysia masih belum mempunyai garis panduan khusus mengenai penerimaan dokumen digital. Walau bagaimanapun, terdapat kes-kes di beberapa buah negeri telah menerima mesej WhatsApp dan rakaman CCTV sebagai bahan bukti, tertakluk kepada prinsip kebolehpercayaan dan ketulenan. Zainal (2019) pula mengkritik bahawa kurangnya latihan kepada hakim syarie dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan teknologi menyebabkan tiada konsistensi dalam penerimaan bukti digital. Kajian oleh Ahmad (2021) mengesahkan bahawa pengesahan teknikal yang lebih ketat dan garis panduan yang jelas diperlukan untuk memastikan keabsahan bukti digital di Mahkamah Syariah.

Sistem perundangan Arab Saudi telah mengalami transformasi pesat selari dengan agenda Visi 2030 dengan pengenalan Undang-Undang Keterangan 2022 (Evidence Law 2022). Pelaksanaan undang-undang ini merupakan titik tolak penting yang mengiktiraf penggunaan dokumen digital seperti e-mel, mesej teks dan tandatangan digital sebagai bukti bertulis yang sah. Ini seperti yang dinyatakan Al-Farhan (2020) dalam kajiannya yang bertajuk "Digital Evidence and Islamic Law: A Study on the Legal Framework in Saudi Arabia". Beliau berpendapat bahawa kerangka undang-undang Arab Saudi dilihat lebih progresif dan fleksibel berbanding dengan negara-negara lain, termasuk Malaysia. Selain itu, bagi memperkukuh pelaksanaan Undang-Undang Keterangan 2022, Arab Saudi membangunkan satu platform digital yang dikenali sebagai Najiz dan sistem e-Litigation yang dikelola oleh Kementerian Kehakiman Arab Saudi. Platform ini membolehkan penyampaian dokumen, pengurusan kes dan perbicaraan dijalankan secara dalam talian dan mengurangkan keperluan kehadiran fizikal serta mempercepatkan penyelesaian kes.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa kedua-dua negara telah menerima kaedah pembuktian melalui dokumen digital di Mahkamah Syariah, tetapi masih terdapat kekangan yang memerlukan penambahbaikan. Oleh itu, kajian perbandingan di antara dua negara ini penting untuk melihat pendekatan terbaik bagi mereformasi sistem keterangan berasaskan bukti digital khususnya di Malaysia.

3.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan reka bentuk kualitatif yang bersifat deskriptif dan analitis dalam meneliti isu penerimaan dokumen digital sebagai bahan bukti di Mahkamah Syariah di dua buah negara iaitu Malaysia dan Arab Saudi. Pendekatan ini dipilih kerana bagi membolehkan pengkaji memahami secara mendalam aspek normatif dan praktikal berkaitan kerangka perundangan syariah dan adaptasinya terhadap bukti digital dalam konteks kontemporari.

Di samping itu, bagi kaedah pengumpulan data pula, kajian ini dijalankan melalui kajian kepustakaan yang berbentuk doktrinal. Pengkaji meneliti pelbagai sumber bertulis seperti Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Akta 561) dan Akta Tandatangan Digital 1997 (Akta 562), Undang-Undang Keterangan Arab Saudi, artikel jurnal ilmiah, buku-buku teks fiqh dan undang-undang, laporan kes dan fatwa bagi memahami asas hukum, pendekatan perundangan serta aplikasi praktikal berkaitan penerimaan dokumen digital dalam sistem kehakiman syariah. Manakala, bagi kaedah penganalisisan data, analisis kandungan dan dokumen digunakan untuk mengenal pasti prinsip, norma dan kecenderungan tertentu dalam penerimaan bukti digital. Pendekatan ini membantu pengkaji dalam mengenal pasti tema dan pendekatan semasa dalam penerimaan bukti digital berdasarkan prinsip syarak dan undang-undang semasa antara kedua-dua negara.

Bagi menjamin kesahihan dan kebolehpercayaan kajian, pengkaji menggunakan pelbagai kategori sumber dari kedua-dua negara dengan merujuk pelbagai jenis dokumen seperti Akta Keterangan Mahkamah Syariah Negeri-Negeri di Malaysia, Undang-Undang Keterangan Arab Saudi, fatwa-fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh badan berautoriti kedua-dua negara serta pelbagai jurnal akademik dan keputusan kes-kes mahkamah. Kepelbagaian sumber ini membantu pengkaji dalam mengesahkan dapatan dan mengurangkan bias.

4.0 Analisis dan Perbincangan

Keterangan Dokumentar Menurut Syarak

Kaedah-kaedah Dokumen atau dalam Bahasa Arab dikenali sebagai *kitabah* merupakan kata terbitan daripada

Bahasa Arab (كتب كتبا وكتابا وكتابة) yang bermaksud tulisan (khat). Dari sudut kehakiman Islam, para fuqaha tidak memberi takrifan yang khusus mengenainya sebaliknya memberikan definisi kepada dokumen-dokumen yang digunakan sebagai bukti bertulis yang disebut dengan pelbagai istilah seperti berikut:

a. *Al-Sakk* (الصك) ialah catatan atau dokumen yang berkaitan hal-hal muamalat seperti urusniaga, ikrar atau pengakuan-pengakuan bertulis tentang termeterainya sesuatu perjanjian atau tindakan pindah milik harta benda oleh orang perseorangan (Ibn Abidin, 1966).
b. *Al-hujjah* (الحجة) ialah dokumen yang ditulis oleh hakim tentang sesuatu peristiwa atau kes. Dokumen ini mestilah dimeteraikan dengan cop rasmi Hakim di bahagian atas dan ditandatangani oleh dua orang saksi di bahagian bawahnya. Catatan seperti ini dikenali juga sebagai al-Burhan, al-Bayyinah, al-Dalil atau apa – apa nama yang menunjukkan kesahihan dakwaan (Ibn Abidin, 1966).
c. *Al – Mahdar* (المحضر) ialah catatan atau dokumen sesuatu peristiwa atau kes yang melibatkan dua pihak yang bertikai. Dokumen ini mengandungi dakwaan, pengakuan, penafian, keterangan atau sumpah (Ibn Abidin, 1966).
d. *Al-Sijill* (السجل) merupakan dokumen yang mengandungi catatan penghakiman (hukuman) yang dijalankan oleh Qadi (Ibn Abidin, 1966).
e. *Al-Wathiqah* (الوثيقة) secara umumnya merangkumi *al-Hujjah*, *al-Mahdar* dan *al-Sijill*. Ibn Abidin (1966) mengkhususkan kepada catatan tentang kes-kes yang disimpan oleh hakim.

Secara umumnya, walaupun para fuqaha menyebut catatan ini dengan pelbagai istilah seperti *al-Sakk, al-Hujjah, al-Mahdar, al-Sijill* dan *al-Wathiqah*, namun pengkaji mendapati kesemua istilah tersebut mempunyai fungsi yang hampir sama iaitu mendokumentasikan kes-kes dan hak-hak atau segala sesuatu yang berkaitan dengannya yang mana ia boleh dirujuk kembali oleh hakim sekiranya mempunyai keperluan semasa proses pembuktian.

Pensyariatan Dokumen

Para fuqaha dan ahli hadith bersepakat akan keharusan berpegang kepada tulisan dan catatan dalam meriwayatkan hadith, pengumpulan dan penyusunan hukum-hukum fiqah, *Qawaid Fiqhiyyah* dan disiplin-disiplin ilmu yang lain. Namun, para fuqaha berselisih pendapat dalam menjadikan dokumen sebagai saluran pembuktian (Zuḥaylī, 1982).

Jumhur fuqaha dan satu riwayat daripada Imam Ahmad berpendapat bahawa dokumen tidak disyariatkan sebagai saluran pembuktian tetapi mereka mengharuskannya dalam beberapa keadaan. Antara hujah mereka ialah tulisan-tulisan mempunyai persamaan antara satu sama lain serta terdedah kepada pemalsuan. Nas-nas pula secara jelas menyatakan hanya pengakuan, kesaksian dan sumpah sahaja yang menjadi saluran pembuktian, maka sebarang penambahan dianggap sebagai bidaah dalam agama (Ibn Abidin, 1966).

Manakala fuqaha Mazhab Maliki, sebahagian salaf dan ulama kontemporari berpendapat dokumen disyariatkan sebagai suatu bentuk bukti berdasarkan dalil daripada al-Quran, al-Sunnah dan logik akal. Antara dalil daripada al-Quran ialah firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 282:

يَاأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى فَاكْتُبُوهُ وَلْيَكْتُبْ بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ فَلْيَكْتُبْ وَلْيُمْلِلِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu. Dan hendaklah seorang penulis antara kamu menulisnya dengan adil (benar). Dan janganlah seorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkan. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas).

Menurut al-Qurtubi (2006) ayat ini menekankan kepentingan mencatat transaksi hutang piutang bagi menjaga hak-hak individu dan mencegah perselisihan. Beliau juga menjelaskan bahawa penulisan ini hendaklah dilakukan oleh penulis yang adil dan tidak boleh menolak tugasnya. Orang yang berhutang wajib menyatakan isi perjanjian dengan betul dan tidak boleh mengurangkan sedikit pun daripada hutangnya.

Sekiranya orang yang berhutang tidak mampu menyatakannya, maka walinya harus menyatakannya dengan adil. Disarankan juga untuk menghadirkan dua orang saksi lelaki atau seorang lelaki dan dua wanita sebagai saksi. Kesemua ini bertujuan untuk keadilan dan mengelakkan keraguan dalam transaksi. Jelaslah di sini bahawa catatan boleh dijadikan sebagai saluran pembuktian kerana sekiranya catatan tidak boleh dijadikan bahan bukti, sudah tentu Allah tidak memerintahkan pihak-pihak terbabit berbuat demikian. Sungguhpun begitu, para fuqaha berselisih pendapat samaada perintah Allah SWT ini bersifat wajib, sunat, harus atau sebagai panduan sahaja (Al-Qurtubi, 2006).

Dalil daripada al-Sunnah pula adalah seperti berikut:

ما حق امرئ مسلم له شيء يوصي فيه يبيت ليلتين إلا ووصيته مكتوبة عنده

Maksudnya: Tidak ada hak seorang muslim yang mempunyai suatu barang yang diwasiatkan, yang bermalam dua malam, kecuali wasiatnya itu ditulis (disaksikan) di sisinya (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Hadis no. 2738; Muslim, *Sahih Muslim*, Hadis no. 1627).

Begitu juga dengan hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a seperti berikut:

من قتل له قتيل فهو بخير النظرين إما يودى وإما يقاد فقام رجل من أهل اليمن يقال له أبو شاه فقال اكتب لي يا رسول الله فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم اكتبوا لأبي شاه

Maksudnya: Barangsiapa (pihak keluarga yang kena bunuh) yang mempunyai hak ke atas pembunuh, maka dia ada dua pilihan, sama ada meminta supaya dibayar *diyyah* atau dibunuh balas (ke atas pembunuh). Maka seorang penduduk Yaman yang dikenali sebagai Abu Shah bangun dan berkata: Wahai Rasulullah SAW, catatkan kepadaku (apa yang kamu sabdakan itu). Maka Rasulullah SAW bersabda: Catatkanlah kepada Abu Shah (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Hadis no. 111; Muslim, *Sahih Muslim*, Hadis no. 1679).

Berdasarkan hadith tersebut, kita dapati Rasulullah SAW pernah mengarahkan penulisnya untuk mencatatkan hukuman yang dikenakan ke atas jenayah membunuh. Arahan ini tidak lain bertujuan untuk menjaga dan memelihara sesuatu hukum daripada hilang dan dapat digunakan apabila tiba waktu yang memerlukan. Di samping itu, catatan telah digunakan oleh Rasulullah SAW dalam semua bidang seperti menjadikan dokumen sebagai wasilah dalam menyampaikan risalah Islam, merakamkan hukum-hakam syariah, memeterai perjanjian perdamaian, serta mengeluarkan arahan kepada gabenor-gabenor wilayah yang berada di bawah naungan Islam (Zuḥaylī, 1982). Dokumen juga digunakan dalam hal-hal muamalat seperti jual beli, wasiat dan penghakiman (Zuḥaylī, 1982).

Setelah meneliti kedua-dua pandangan para fuqaha, pengkaji cenderung kepada pandangan yang mengatakan dokumen disyariatkan sebagai saluran pembuktian. Hal ini demikian kerana hujah-hujah yang dikemukakan oleh golongan kedua dilihat lebih kuat dan amat releven pada zaman ini. Seandainya kaedah ini ditolak, maka banyak urusan atau transaksi yang melibatkan muamalat misalnya akan menjadi sukar. Hal ini berlawanan dengan prinsip-prinsip umum syarak yang bersifat memudahkan dan mengangkat kesulitan. Malah kes-kes penipuan dan jenayah-jenayah lain akan berleluasa kerana tidak semua kes dapat diselesaikan dengan kesaksian.

Selain itu, catatan atau dokumen juga dianggap sebagai satu petanda (*al-Qarinah*) yang kuat dalam saluran pembuktian. Catatan-catatan yang ditulis pada dinding atau tembok boleh dijadikan bukti. Hal ini berdasarkan pertanyaan yang diajukan kepada Imam Ahmad berkaitan catatan "waqaf" yang terdapat pada pintu-pintu rumah dan tanah ketikamana tentera Islam membuka negara yang sebelumnya dimiliki oleh pemerintah kafir. Imam Ahmad bin Hanbal menjawab "ia adalah benar kerana catatan yang termaktub di situ merupakan satu petanda yang kuat" (Ibn Qayyim, n.d.).

Dokumen juga boleh disamakan dengan kenyataan lisan kerana kedua-duanya menzahirkan kehendak dan niat dalam hati. Hal ini bertepatan dengan kaedah fiqh yang mengatakan catatan itu umpama ucapan.

Pemakaian Dokumen Digital atau Elektronik Menurut Syarak

Dewasa ini, dengan kepesatan teknologi maklumat, pelbagai ciptaan baru seperti komputer riba, telefon pintar, kamera, pita rakaman, mesin pencetak dan lain-lain telah membawa dimensi baru dalam kehidupan manusia. Seiring dengan kewujudan peranti elektronik dan juga kemajuan jaringan internet, dokumen berbentuk elektronik atau digital seperti gambar digital, rakaman video dan audio, transaksi jual beli secara dalam talian telah digunakan secara meluas.

Secara umumnya, dokumen elektronik ialah nota atau dokumen yang dibuat, disimpan atau diekstrak,

disalin atau dihantar atau diterima atau dikomunikasi dengan cara elektronik melalui peralatan elektronik yang lain dan ia dapat difahami serta dilihat dengan jelas (Wan Ismail et al., 2020). Selain itu, dokumen elektronik ini juga didefinisikan sebagai sebarang bentuk maklumat probatif yang disimpan atau direkodkan atau disalurkan dalam bentuk elektronik di mana bahan tersebut boleh dikemukakan di mahkamah sebagai bahan bukti untuk menyokong atau menyangkal dakwaan (Wan Ismail et al., 2020).

Dari sudut syarak, pembuktian menggunakan dokumen elektronik tidak dibincangkan secara mendalam oleh para fuqaha memandangkan ia merupakan perkara yang baru wujud pada abad ini. Namun, para fuqaha kontemporari menerimanya berdasarkan dalil-dalil umum daripada syarak. Berdasarkan Surah al-Baqarah ayat 282, Allah memerintahkan agar urusan hutang-piutang itu didokumentasikan dengan menyebut "فاكتبوه". Dokumen atau *kitabah* dalam ayat ini berbentuk umum tanpa dihadkan bentuk-bentuk dokumen. Oleh itu, mengekalkan sifat umum nas tersebut tanpa mengehadkan kepada bentuk-bentuk dokumen tertentu adalah lebih utama. Melainkan terdapat pada nas-nas lain yang mengehadkan ayat di atas hanya kepada kes-kes tertentu sahaja (Wan Ismail et al., 2020).

Selain itu, pemakaian dokumen dalam pembuktian juga bertepatan dengan prinsip keterangan iaitu menerima apa-apa bukti yang dapat menzahirkan kebenaran, menolak kebatilan serta mengelakkan daripada terjadinya penipuan dan pergaduhan. Hal ini dapat direalisasikan sekalipun dengan menggunakan dokumen elektronik apatah lagi penggunaannya kini amat meluas hampir dalam semua bidang terutamanya muamalat dan pengurusan. Sekiranya, dokumen ini ditolak maka keadilan sukar ditegakkan kerana tidak semua kes dapat dibuktikan dengan kesaksian.

Dokumen Digital Menurut Undang-Undang Keterangan Islam Malaysia

Pada mumnya, tiada peruntukan khusus menyatakan penerimaan dokumen digital di Mahkamah Syariah. Namun, selaras dengan perkembangan pesat teknologi maklumat Mahkamah Syariah telah mengiktirafnya secara tidak langsung berpandukan keumuman takrif dokumen dalam seksyen 3 Akta Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 seperti berikut:

"Dokumen" ertinya apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua pun peranti lain, dengan menggunakan:

(a) Huruf, angka, tanda, symbol, isyarat, lambang, atau apa jua pun bentuk pernyataa, perihalan, atau gambaran lain.
(b) Apa-apa rakaman visual (sama ada imej kaku atau bergerak);
(c) Apa-apa rakaman bunyi, atau apa-apa jua rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakaman lain dan walau bagaimana jua pun dibuat, atau apa-apa bunyi, dedenyut elektronik, atau apa jua pun data yang lain;
(d) Suatu rakaman, atau pemancaran, dari suatu jarak, apa-apa hal dengan mana-mana, atau apa-apa kombinasi, cara yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c).

Menurut Wan Ismail et al. (2020), di bawah seksyen ini, dokumen atau *kitabah* memberi maksud yang lebih luas dan tidak terikat dengan tulisan tangan semata-mata, bahkan mana-mana dokumen sekalipun berbentuk elektronik boleh diterima sebagai kaedah pembuktian. Selanjutnya, takrif dokumen yang terdapat pada seksyen 3 diperkukuhkan lagi dengan peruntukan seksyen 49 yang mengiktiraf komputer sebagai keterangan primer. Peruntukan ini secara tidak langsung menegaskan pengakuan Mahkamah Syariah terhadap kaedah pembuktian berasaskan dokumen elektronik (Alias et al., 2024). Dengan pengiktirafan ini, dokumen elektronik yang disimpan atau dihasilkan melalui komputer dianggap sah dan boleh digunakan dalam proses perundangan sebagai bukti yang kukuh (Alias et al., 2024).

Analisis Kajian Kes Kebolehterimaan Dokumen Digital di Mahkamah Syariah, Malaysia

Analisis terhadap beberapa kes perbicaraan di Mahkamah Syariah menunjukkan trend penerimaan terhadap dokumen digital sebagai bukti, namun masih tertakluk kepada syarat-syarat tertentu seperti kesahihan, relevansi dan sokongan keterangan tambahan.

Salah satu kes penting yang membabitkan isu kebolehterimaan dokumen digital ialah kes *Pendakwa Syarie Negeri Selangor Khalid bin Abdul Samad*. Dalam kes ini, YB Khalid didakwa memberikan ceramah tanpa tauliah, satu kesalahan di bawah Seksyen 119 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Rakaman video ceramah dan transkrip rakaman telah dikemukakan sebagai bukti oleh pihak

pendakwaan. Walaupun pihak pembelaan membantah kebolehterimaan rakaman kerana tiada pengesahan daripada pembuat rakaman dan ketiadaan laporan forensik digital, Mahkamah Syariah tetap menerima bukti tersebut, selagi disokong dengan keterangan tambahan yang relevan (Yahya & Mohd Shariff, 2021). Ini menunjukkan bahawa Mahkamah bersedia menerima bukti digital dalam prosiding jenayah Syariah, selagi mana prinsip keadilan dan ketelusan dipelihara.

Dalam kes *Ahmad Faozi bin Mansor lwn Norhafizah binti Ahmad* (2004) dan *Ramlee bin Ismail lwn Masuah binti Abd Rashid* (2007), isu kebolehterimaan bukti timbul dalam konteks tuntutan nusyuz. Dalam kedua-dua kes ini, bil telefon dan mesej SMS telah digunakan untuk membuktikan dakwaan bahawa isteri menjalinkan hubungan intim dengan lelaki lain. Mahkamah menerima dokumen tersebut sebagai *qarinah* yang sah, iaitu bukti sokongan yang boleh digunakan untuk menguatkan sesuatu dakwaan dalam kes syariah (Abdul Mutalib, 2021). Ini menggambarkan bahawa Mahkamah Syariah semakin terbuka untuk menggunakan teknologi digital sebagai medium pembuktian dalam kes-kes perkahwinan.

Dalam kes *Zabariah binti Mat Piah lwn Syed Abas Ibrahim* (2008) pula, Mahkamah menolak tuntutan fasakh oleh plaintif kerana kekurangan bukti sokongan seperti laporan perubatan atau gambar visual. Walaupun tiada bukti berbentuk digital dikemukakan dalam kes ini, alasan penghakiman Mahkamah secara tidak langsung menunjukkan bahawa bukti berbentuk gambar atau visual boleh diterima sekiranya dikemukakan dengan betul dan memenuhi piawaian pembuktian. Ini memberikan isyarat bahawa keterangan digital dalam bentuk visual, seperti foto atau rakaman penderaan fizikal, adalah relevan dan boleh menjadi elemen penting dalam pembuktian fasakh jika disokong dengan keterangan lain (Yahya & Mohd Shariff, 2011).

Kes *Moriazi Mohamad lwn Ajmawati Atan* (2005) pula menyentuh tentang kebolehterimaan dokumen kewangan digital dalam tuntutan hutang selepas perceraian. Mahkamah Tinggi Syariah menerima resit, bil, dan cek sebagai bukti pembayaran. Namun begitu, keputusan tersebut diketepikan oleh Mahkamah Rayuan Syariah kerana kesalahan dari segi prosedur (kes dimulakan dengan permohonan, bukan saman) dan juga kekurangan keterangan sokongan lain. Hal ini menunjukkan bahawa selain daripada kesahihan dokumen digital, prosedur perundangan juga memainkan peranan penting dalam menentukan kesahihan bukti di Mahkamah Syariah.

Kesemua kajian kes ini secara keseluruhan menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah di Malaysia tidak menolak penggunaan dokumen digital sebagai bukti, namun terdapat syarat dan prosedur ketat yang perlu dipatuhi. Bukti digital perlu disokong oleh keterangan tambahan seperti pengesahan pakar, laporan forensik digital, atau saksi sokongan. Di samping itu, pematuhan kepada peruntukan prosedur seperti yang dinyatakan dalam Kanun Prosedur Mal Syariah juga adalah penting untuk memastikan kebolehterimaan sesuatu dokumen. Malah, Mahkamah Syariah Malaysia sedang menuju ke arah yang lebih progresif dalam menerima dokumen digital sebagai alat pembuktian, selaras dengan perkembangan teknologi semasa. Walau bagaimanapun, untuk memastikan keadilan terpelihara, standard pembuktian dan prinsip syarak tetap menjadi asas kepada penerimaan sesuatu dokumen. Oleh itu, pemerkasaan sistem forensik digital, latihan kepada pegawai kehakiman syariah, dan pemerkasaan prosedur pembuktian digital perlu terus diperkukuh bagi menjamin integriti sistem kehakiman syariah di Malaysia.

Jadual 1: Ringkasan Analisis Kajian Kes Kebolehterimaan Dokumen di Mahkamah Syariah, Malaysia

	NAMA KES	JENIS KES	BUKTI DIGITAL DIKEMUKAKAN	KEPUTUSAN MAHKAMAH	CATATAN
ANALISIS KAJIAN KES KEBOLEHTERIMAAN	*Pendakwa Syarie Negeri Selangor lwn Khalid bin Abdul Samad*	Ceramah tanpa tauliah	Rakaman video & transkrip ceramah	Diterima dengan keterangan tambahan	Tiada laporan forensic, namun, bukti tetap diterima dengan sokongan lain
	Ahmad Faozi bin Mansor lwn Norhafizah binti Ahmad (2004)	Tuntutan nusyuz	Bil telefon & SMS	Diterima sebagai *qarinah*	SMS dan bil telefon sah sebagai bukti sokongan
	Zabariah binti Mat Piah lwn	Tuntutan fasakh	Gambar (tidak dikemukakan)	Tuntutan ditolak kerana tiada bukti	Mahkamah menyatakan bahawa bukti

DOKUMEN DI MAHKAMAH SYARIAH MALAYSIA	*Syed Abas Ibrahim (2008)*			fizikal	visual boleh diterima sekiranya ada
	Ramlee bin Ismail lwn Masuah binti Abd Rashid (2007)	Tuntutan nusyuz	Mesej SMS	Diterima sebagai keterangan sah	Menunjukkan komunikasi digital boleh diterima
	Moriazi Mohamad lwn Ajmawati Atan (2005)	Tuntutan hutang selepas perceraian	Resit, bil elektrik, cek, gaji pembantu	Diterima di Mahkamah Tinggi, ditolak di Mahkamah Rayuan	Diketepikan atas isu prosedur dan ketiadaan saksi sokongan

Isu Dan Cabaran Pemakaian Dokumen Digital Di Mahkamah Syariah, Malaysia

Walaupun Akta Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia secara umumnya telah mengiktiraf dokumen digital sebagai kaedah pembuktian, namun terdapat beberapa kekangan yang dihadapi dalam mengemukakan dokumen digital di Mahkamah Syariah. Salah satunya adalah berkaitan isu ketulenan dan kebolehpercayaan dokumen digital. Menurut Alias (2022) dokumen digital seperti e-mel dan fail digital mudah dipalsukan atau diubah suai tanpa meninggalkan jejak yang jelas. Oleh itu, bagi menangani isu ini pengesahan ketulenan dokumen boleh dibuat dengan memanggil pakar forensik yang berkelayakan ke Mahkamah. Di Malaysia, antara institusi utama yang menyediakan kepakaran ini ialah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan CyberSecurity Malaysia (CSM). (Tuan Ibrahim et al., 2025)

Dalam konteks ini, pakar forensik boleh dipanggil apabila wujud pertikaian berkenaan dokumen digital yang dikemukakan oleh plaintif atau defendan. Pihak yang mengemukakan bukti digital tersebut boleh meminta pakar forensik digital untuk hadir memberi keterangan dengan kebenaran pihak Mahkamah. Sebelum memberikan keterangan di mahkamah, saksi pakar akan membuat pemeriksaan teknikal dengan menganalisis bukti tersebut melalui kaedah pemeriksaan metadata, analisis *hash value*, pemulihan data yang dipadam, analisis imej atau video, pengecaman suara dan lain-lain. Hasil analisis data kemudiannya akan dikemukakan secara bertulis dalam bentuk laporan. Laporan tersebut pula hendaklah merangkumi kelayakan pakar, kaedah yang digunakan, peralatan analisis, dapatan teknikal, dan kesimpulan mengenai ketulenan bukti. (Casey, E., 2011). Semasa proses perbicaraan, pakar forensik akan melalui proses pemeriksaan saksi melalui tiga peringkat iaitu pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula. Dalam pemeriksaan utama, pakar akan menerangkan latar belakang profesional, kaedah analisis serta dapatan kajian. Pihak lawan berhak melakukan pemeriksaan balas untuk menguji kredibiliti pakar, metodologi yang digunakan dan ketepatan kesimpulan yang dibuat. Selanjutnya, pada peringkat pemeriksaan semula, saksi pakar akan disoal semula oleh pihak yang memanggilnya bagi tujuan memperjelas atau memperkukuhkan atau memulihkan mana-mana bahagian keterangan yang mungkin telah dipertikaikan oleh pihak lawan.

Walau bagaimanapun, ketiadaan piawaian dan garis panduan yang jelas berkenaan cara bukti digital dikendalikan, disimpan dan dipersembahkan telah menimbulkan kekeliruan dalam prosiding di Mahkamah Syariah (Alias et al, 2024). Hal ini boleh menyebabkan tiada konsistensi dalam penerimaan dan pemakaian bukti digital dalam kes-kes yang berbeza yang boleh menjejaskan integriti dan kebolehpercayaan bukti.

Seterusnya, kurangnya kepakaran dan latihan dalam pengurusan bukti digital juga menjadi kekangan dalam menggunapakai dokumen ini (Alias et al., 2024). Ketidakpahaman tentang cara mengesahkan dan mengendalikan bukti digital dalam kalangan pengamal undang-undang terutamanya hakim boleh menyebabkan kekeliruan dalam prosedur pengadilan dan penerimaan bukti di mahkamah. Kekurangan dan kelemahan ini bukan sahaja menghalang proses perundangan, malah boleh menjejaskan keadilan yang dibuat. Akhir sekali, isu keselamatan dan integriti data. Menurut Aminuddin (2020), dokumen digital boleh dimanipulasi atau diubah tanpa disedari oleh pihak yang terlibat. Ancaman seperti penggodaman, kerosakan data, atau kebocoran maklumat boleh menjejaskan integriti dokumen elektronik. Sekiranya isu ini tidak diambil secara serius, kewibawaan Mahkamah Syariah sebagai tempat mendapatkan keadilan akan tercalar.

Undang-Undang Keterangan (Evidence Law) 2022 Arab Saudi

Arab Saudi merupakan sebuah negara Arab yang mengamalkan undang-undang Islam dalam sistem kenegaraan. Sumber utama undang-undang Islam diambil daripada al-Quran, Sunnah, Ijmak, Qias dan kaedah pensabitan hukum yang lain. Mazhab Hambali merupakan mazhab yang paling berpengaruh di Saudi tetapi pendapat mazhab-mazhab lain juga diguna pakai dalam keadaan atau kes-kes tertentu.

Kemajuan teknologi yang pesat dan transformasi digital yang disaksikan oleh Kerajaan Arab Saudi dalam beberapa tahun kebelakangan ini, menyebabkan wujudnya keperluan untuk mereformasikan sistem kehakiman melalui pembuktian moden. Pada tahun 2022, Arab Saudi telah mengkanunkan Undang-Undang Keterangan baru (Evidence Law) 2022 melalui Titah Diraja No. (M/43). (Saudi Arabia, n.d.). Undang-Undang ini merupakan salah satu daripada empat undang-undang utama yang diperkenalkan oleh Kerajaan Arab Saudi sebagai sebahagian daripada reformasi kehakiman selaras dengan agenda Visi 2030. Undang-Undang ini terdiri daripada sebelas bab yang merangkumi peruntukan am mengenai pembuktian, pengakuan, soal siasat pihak lawan, dokumen rasmi, dokumen biasa, kewajipan pihak lawan mengemukakan dokumen, membuktikan kesahihan dokumen, mengesahkan dokumen, tuntutan pemalsuan, penulisan, bukti digital, kesaksian, *qara'in* dan kesahihan res judicata, *'urf*, sumpah, pemeriksaan (المعاينة), saksi pakar (الخبرة), peruntukan akhir, penerbitan dan penguatkuasaan (Saudi Arabia, n.d.).

Pembuktian Melalui Dokumen Digital di Arab Saudi

Konsep dokumen digital telah diterima pakai di Arab Saudi sebagai sebahagian daripada usaha untuk memodenkan sistem perundangan dan seiring dengan perkembangan teknologi moden. Peralihan ini telah membawa kepada pembangunan undang-undang dan dasar yang bertujuan untuk mengawal selia dan menggalakkan penggunaan teknologi digital dalam membuktikan fakta dan memudahkan prosedur undang-undang.

Perkara 53 dan Perkara 60 dalam Undang-Undang Keterangan Arab Saudi telah mentakrifkan bukti digital sebagai sebarang bukti yang diperoleh daripada sebarang data yang dijana, dikeluarkan, diterima, disimpan atau dimaklumkan oleh instrumen elektronik, yang boleh diambil atau diperoleh dengan cara yang boleh difahami. Perkara 54 selanjutnya menyatakan bahawa bukti digital termasuk dokumen elektronik, rekod digital, tandatangan digital, mesej digital, termasuk emel, alat komunikasi dan media digital. Malah Perkara 55 menyatakan bahawa dokumen elektronik mempunyai berat beban bukti yang sama seperti dokumen fizikal. Perkara 56 pula menerangkan bahawa alat bukti digital mempunyai berat beban pembuktian apabila bukti digital tersebut digunakan oleh pejabat awam atau orang yang diamanahkan dalam perkhidmatan awam untuk membuktikan apa yang telah dilakukan olehnya atau apa yang telah diterimanya dari pihak yang berkaitan, dengan mengikut peruntukan kawal selia, dan dalam had kuasa dan kecekapannya, termasuk apa yang dikeluarkan secara automatik daripada sistem digital pihak berkuasa awam atau entiti yang diamanahkan daripada perkhidmatan awam (Saudi Arabia, n.d.).

Di samping itu, bukti digital tidak rasmi juga dianggap sebagai bukti terhadap pihaknya - melainkan dibuktikan sebaliknya - dalam kes berikut:

1. Jika ia dikeluarkan mengikut Sistem Transaksi Elektronik atau Sistem E-dagang.
2. Jika ia diperoleh daripada cara digital yang ditetapkan dalam kontrak yang dipertikaikan.
3. Jika ia diperoleh daripada cara digital yang didokumenkan atau tersedia secara umum.
4. Sekiranya tiada kes yang disebutkan di atas dipenuhi, bukti digital mempunyai berat dokumen biasa.

Analisis Kajian Kes Kebolehterimaan Dokumen Digital di Mahkamah Arab Saudi

Perkembangan teknologi komunikasi digital seperti aplikasi WhatsApp, mesej teks dan rakaman video telah memberi impak besar kepada sistem perundangan moden, termasuklah di negara-negara Islam seperti Arab Saudi. Mahkamah di negara ini dilihat semakin terbuka terhadap penerimaan bukti digital dalam proses kehakiman, khususnya dalam kes-kes kekeluargaan dan keganasan rumah tangga.

Dalam kes pertama, Mahkamah di Jeddah membenarkan permohonan perceraian seorang lelaki selepas hanya tiga bulan perkahwinan. Permohonan ini dibuat atas alasan bahawa si suami telah disekat oleh isterinya di aplikasi WhatsApp, menghalangnya daripada berkomunikasi secara langsung. Tambahan pula, keluarga pihak isteri tidak memberi sebarang maklum balas terhadap usaha pihak suami untuk menyelesaikan isu rumah tangga mereka. Isteri juga enggan berpindah ke rumah suami kerana ingin menyambung pengajian. Berdasarkan fakta ini, Mahkamah memutuskan bahawa tindakan isteri yang menghalang komunikasi dan enggan tinggal bersama suami bertentangan dengan prinsip asas perkahwinan. Oleh itu, Mahkamah membenarkan penceraian dan memerintahkan agar mahar serta emas yang telah diberikan oleh suami dipulangkan semula kepadanya (Gulf

News, 2022). Kes ini menunjukkan bahawa bukti digital seperti 'block' di aplikasi komunikasi boleh diterima untuk membuktikan gangguan komunikasi dalam perkahwinan, sekaligus menyokong tuntutan cerai.

Dalam kes kedua, Mahkamah di Jeddah pada Oktober 2024 menjatuhkan hukuman penjara 15 hari terhadap seorang doktor ekspatriat yang didapati bersalah kerana melakukan keganasan rumah tangga secara verbal terhadap isterinya. Dalam kes ini, pihak isteri telah mengemukakan rakaman video dan mesej *WhatsApp* yang membuktikan berlaku penyalahgunaan lisan dan fizikal oleh suaminya. Mahkamah menerima bukti digital ini sebagai sah dan boleh diterima, sekaligus menjadikan asas utama dalam menjatuhkan hukuman terhadap defendan (Gulf News, 2022). Kes ini memperlihatkan bahawa bukti digital tidak hanya digunakan dalam konteks pembuktian penceraian, tetapi juga dalam menjatuhkan hukuman jenayah syariah, termasuk kes keganasan rumah tangga.

Kedua-dua kes ini memperlihatkan pendekatan progresif Mahkamah Syariah di Arab Saudi terhadap penggunaan bukti digital. Walaupun sistem kehakiman Arab Saudi berlandaskan prinsip-prinsip syariah yang ketat, Mahkamah telah menerima bukti elektronik seperti mesej *WhatsApp*, rakaman video dan bukti sekatan komunikasi sebagai *qarinah* (bukti sokongan) yang sah. Ini menandakan anjakan paradigma dalam pemahaman pembuktian yang bukan sahaja berdasarkan lisan dan saksi, tetapi juga melibatkan bukti teknologi yang boleh diverifikasi.

Mahkamah Syariah di Arab Saudi lebih menunjukkan keterbukaan dalam menerima bukti digital selagi mana ia relevan, sahih dan menyokong prinsip keadilan Islam. Perkembangan ini bukan sahaja memperkukuh sistem kehakiman Islam dalam konteks semasa, malah turut melindungi hak-hak individu, khususnya wanita dalam kes keganasan rumah tangga dan komunikasi dalam institusi perkahwinan. Penerimaan bukti digital secara lebih meluas juga memberi konotasi bahawa perundangan Islam mampu berkembang selari dengan kemajuan teknologi, tanpa menjejaskan prinsip asas syariah.

Jadual 2: Ringkasan Analisis Kajian Kes Kebolehterimaan Dokumen di Mahkamah, Arab Saudi

ANALISIS KAJIAN KES KEBOLEHTERIMAAN DOKUMEN DI MAHKAMAH ARAB SAUDI	NAMA KES / TAHUN	JENIS KES	BUKTI DIGITAL DIKEMUKAKAN	KEPUTUSAN MAHKAMAH	CATATAN
	Kes Perceraian (Jeddah, 2022)	Permohonan cerai oleh suami	Disekat (block) di *WhatsApp*, kegagalan komunikasi, keengganan isteri berpindah	Perceraian dibenarkan, mahar & emas dipulangkan kepada suami	Sekatan komunikasi di aplikasi WhatsApp dianggap bukti sah kegagalan hubungan perkahwinan
	Kes Keganasan Rumah Tangga (Jeddah, 2024)	Keganasan rumah tangga secara verbal dan fizikal	Rakaman video & mesej *WhatsApp*	Hukuman penjara 15 hari kepada defendan (suami)	Mahkamah menerima bukti digital sebagai sah dan relevan untuk menjatuhkan hukuman

Isu dan Cabaran Pemakaian Dokumen Digital di Mahkamah, Arab Saudi

Walaupun Arab Saudi telah mengkanunkan undang-undang keterangan menggunakan bukti digital namun terdapat beberapa kekangan yang menyebabkan bukti digital tidak diterima sepenuhnya di mahkamah. Pertamanya, tidak terdapat sebarang panduan untuk mengumpulkan, memproses dan mengendalikan bukti digital dan penyiasatan forensik digital (Alanazi, et al., 2018). Wujud polisi-polisi dan prinsip-prinsip yang berkaitan dengan insiden tindakan balas komputer yang telah ditetapkan dan diterima pakai di Arab Saudi atau dikenali sebagai Computer Emergency Response Team (CERT), namun sehingga kini, tiada prosedur yang diiktiraf secara rasmi untuk siasatan forensik digital. Natijahnya, disebabkan ketiadaan garis panduan rasmi

dan amalan terbaik yang diterima, prinsip-prinsip ini tidak dianggap telah memenuhi prasyarat penyiasatan undang-undang Islam di Arab Saudi bagi mewujudkan tahap pembuktian yang boleh diterima secara rasmi. Menurut Stamatel, J. P. & Sung, H.-E. (2010) standard pembuktian adalah tinggi di Arab Saudi dan mahkamah secara amnya mengikut peraturan ketat Undang-undang Islam. Peraturan tersebut memerlukan beberapa saksi dari jenis tertentu, dan tertuduh dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya.

Selain itu, hakim belum lagi mempercayai kepakaran atau amalan terbaik pengamal forensik digital yang diiktiraf di barat yang menyebabkan mereka tidak mempercayai bukti digital yang mereka hasilkan (Alanazi et al., 2018). Oleh itu, hakim kemungkinan besar akan menggunakan kepercayaan mereka kepada saksi manusia, bukannya proses saintifik untuk memastikan kesahihan bukti digital. Tambahan pula, penerimaan hakim di Arab Saudi terhadap bukti digital sebahagiannya bergantung pada tahap penggunaan dan pemahaman hakim terhadap peralatan digital. (Alanazi et al., 2018) Akibatnya, hakim tidak selalu membuat keputusan yang konsisten dengan kekuatan undang-undang yang berkaitan dengan bukti digital. Walau bagaimanapun, bukti digital boleh diterima di mahkamah sebagai *iqrar* (pengakuan) tetapi bukan sebagai bayyinah (bukti yang jelas dan kuat).

Akhir sekali, ialah isu kekurangan kakitangan dengan kemahiran yang diperlukan untuk mencari, mengumpul, merampas dan menganalisis bukti digital dan akibatnya tiada amalan terbaik yang diterima (Alanazi et al., 2018). Jika bukti digital tidak dikumpul dengan cara yang ditetapkan, bukti digital yang dikumpul mungkin mempunyai nilai bukti yang boleh dipersoalkan. pada masa ini, banyak bukti digital dikecualikan kerana rampasan dilakukan oleh orang bukan berkemahiran sebelum dimajukan kepada pakar untuk dianalisis. Kesannya, rantaian jagaan dan penggunaan prosedur yang diuji tidak dapat dibuktikan.

Perbandingan Pemakaian Dokumen Digital antara Mahkamah Syariah Malaysia dan Arab Saudi

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, pengkaji mendapati bahawa kedua-dua Mahkamah telah mengiktiraf bukti digital seperti mesej teks, e-mel, rakaman audio, rakaman video dan CCTV sebagai kaedah pembuktian dengan syarat ketulenan atau keasliannya dapat dipastikan. Selain itu, kedua-dua negara menghadapi beberapa cabaran yang sama dalam mengaplikasikan dokumen digital di Mahkamah masing-masing. Ketiadaan garis panduan yang jelas dan seragam menyebabkan pengamal undang-undang terutamanya hakim jarang mengguna pakai kaedah ini. Tahap pengetahuan dan kefahaman pengamal undang-undang turut menjadi cabaran besar dalam pengaplikasiannya. Disebabkan kurangnya ilmu pengetahuan berkaitan dokumen digital, pengamal undang-undang lebih bergantung kepada kaedah pembuktian tradisional seperti kesaksian dan pengakuan.

Di samping itu, kedua-dua negara juga menghadapi ancaman keselamatan siber sehingga wujud kebimbangan terhadap penggodaman, manipulasi dan kecurian data. Sekiranya keselamatan siber ini tidak diberi perhatian yang serius, ia akan menyebabkan kewibawaan suatu bukti yang dikemukakan di Mahkamah boleh dipertikai dan tertolak. Dari sudut tahap penerimaan, mahkamah syariah di Malaysia dilihat lebih berhati-hati dalam menerima sesuatu bukti digital, tetapi sesuatu dokumen itu boleh diterima jika disahkan ketulenannya oleh pakar forensik digital. Ini berbeza dengan Mahkamah Arab Saudi, yang mana penerimaan dokumen digital bergantung pada tahap pengetahuan hakim. Jika terdapat keraguan, bukti digital tersebut ditolak atau hanya dianggap sebagai petunjuk. Mahkamah Arab Saudi kurang bergantung kepada pakar forensik digital dan lebih mempercayai keterangan manusia. Perbandingan pemakaian dokumen digital antara Mahkamah Syariah Malaysia dan Arab Saudi boleh diringkaskan seperti Jadual 3 yang berikut:

Jadual 3: Ringkasan Pemakaian Dokumen Digital antara Mahkamah Syariah Malaysia dan Arab Saudi

ASPEK	MALAYSIA	ARAB SAUDI
PENERIMAAN	Pengiktirafan secara tidak langsung menerusi seksyen 3 dan 49, Akta Keterangan Mahkamah Syariah	Dokumen digital telah diiktiraf sebagai kaedah pembuktian berdasarkan Evidence Law 2022
TAHAP PENERIMAAN	Lebih berhati-hati. Perlu pengesahan pakar forensik digital untuk diterima	Bergantung kepada tahap pengetahuan hakim. Bukti boleh ditolak jika meragukan
GARIS PANDUAN & PIAWAIAN	Tiada garis panduan yang jelas dan seragam. Penggunaan secara ad hoc	Tiada garis panduan yang jelas dan seragam. Penggunaannya bergantung kepada budi bicara hakim
TAHAP PENGETAHUAN PENGAMAL UNDANG-	Kurang ilmu mengenai bukti digital. Lebih cenderung menggunakan kaedah tradisional	Kurang kefahaman bukti digital. Lebih bergantung kepada keterangan manusia

UNDANG		
PERANAN PAKAR FORENSIK DIGITAL	Penting untuk mengesahkan ketulenan bukti digital	Kurang bergantung kepada pakar. Lebih kepada penilaian peribadi hakim
KESELAMATAN SIBER	Kebimbangan terhadap penggodaman, manipulasi, dan kecurian data. Boleh menjejaskan kebolehterimaan bukti	Cabaran keselamatan siber juga wujud. Bukti boleh dipertikai jika tiada jaminan keselamatan

Kesimpulan

Kepesatan kemajuan sains dan teknologi maklumat yang berlaku dekad ini, menyebabkan timbulnya isu-isu baru yang menuntut agar sistem kehakiman Islam direformasi supaya ia kekal releven, adil, dan efisien. Malaysia dan Arab Saudi telah mengorak langkah proaktif dengan mengiktiraf dokumen digital sebagai sebagai salah satu kaedah pembuktian di Mahkamah, bagi mendepani isu-isu ini. Sungguhpun begitu, terdapat beberapa isu dan cabaran yang perlu ditangani oleh kedua-dua negara dalam mengimplementasi kaedah ini antaranya seperti kurangnya pengetahuan dan pemahaman dalam kalangan pengamal undang-undang berkaitan kaedah ini serta ketiadaan garis panduan yang jelas dan khusus untuk dirujuk. Bagi mengatasi masalah ini, institusi kehakiman boleh memperbanyakkan latihan-latihan dan kursus intensif kepada para hakim, peguam dan pendakwa syarie bagi meningkatkan kemahiran digital dan teknikal supaya mereka mampu menilai bukti digital dengan lebih objektif dan kritikal. Satu jawatankuasa yang melibatkan institusi kehakiman, jabatan peguam, pakar teknologi maklumat dan forensik digital, agensi agama serta ahli akademik hendaklah ditubuhkan bagi membangunkan garis panduan pemakaian bukti digital ini. Di samping itu, bagi membendung isu keselamatan siber dan integriti data, kedua-dua negara boleh mengetatkan rantaian kawalan (*chain of custody*) dengan cara menyediakan log audit lengkap yang menunjukkan siapa yang mengakses, menyimpan atau mengubah sesuatu bukti digital. Para pengamal undang-undang juga mestilah diberi latihan berkala tentang konsep integriti data, ancaman siber dan cara pengesahan bukti digital. Kajian ini lebih tertumpu kepada penggunaan dokumen digital dalam kes-kes kekeluargaan seperti penceraian dan tuntutan nafkah, oleh itu disyorkan agar kajian lanjutan dijalankan bagi mengkaji penggunaan dokumen digital dalam kes-kes jenayah dan mal yang melibatkan kedua-dua negara.

Rujukan

Ahmad, S. (2021). Penerimaan bukti digital dalam Mahkamah Syariah: Isu dan cabaran di Malaysia. *Jurnal Syariah dan Undang-Undang, 30*(3), 200–218.

Alanazi, F., Jones, A., & Menon, C. (2018). *Sharia law and digital forensics in Saudi Arabia*. *Journal of Digital Forensics, Security and Law, 13*(3), Article 5,9-10 https://doi.org/10.15394/jdfsl.2018.1568

Ali, A. (2020). Digital evidence and its admissibility in court: A global perspective. *International Journal of Legal Studies, 12*(3), 56–72.

Alias, M. A. A., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., & Mallow, M. S. (2024). *Wasa'il ithbat dalam undang-undang keterangan Islam: Analisis perundangan terhadap kebolehterimaan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah Malaysia*. *Malaysian Journal of Syariah and Law, 12*(3), 689–700. https://doi.org/10.33102/mjsl.vol12no3.792

Alias, M. A. A. (2022). *Pemalsuan dokumen dan kedudukannya dalam perundangan Syariah di Malaysia*. Academia.edu.

Al-Farhan, K. (2020). Digital evidence and Islamic law: A study on the legal framework in Saudi Arabia. *Middle Eastern Legal Review, 5*(2), 98–112.

Al-Muhanna, T. (2021). Digital signatures and the modernization of evidence laws in Saudi Arabia. *Saudi Legal Journal, 12*(4), 245–258.

Alotaibi, B. (2021). Sharia law and digital forensics in Saudi Arabia. *International Journal of Digital Crime and Forensics*.

Al-Qurtubi. (2006). *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* (Juz 2). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. hlm. 176.

Alanazi, F., Jones, A., & Menon, C. (2018). Sharia law and digital forensics in Saudi Arabia. *Journal of Digital Forensics, Security and Law, 13*(3), Article 5. https://doi.org/10.15394/jdfsl.2018.1568

Alias, M. A. A., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., & Mallow, M. S. (2024). *Wasa'il ithbat* dalam undang-undang keterangan Islam: Analisis perundangan terhadap kebolehterimaan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah Malaysia: Means of proof in Islamic law of evidence: A legal analysis of the admissibility of electronic documents in Malaysian Syariah courts. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, *12*(3), 697. https://doi.org/10.33102/mjsl.vol12no3.792

Aminuddin, M. (2020). *Isu dan cabaran penggunaan bukti digital dalam sistem perundangan Malaysia*. Jurnal Undang-Undang dan Teknologi, 15(2), 45-58.

Amiruddin Yusof, Zainal Abidin, A., & Mohd Noor, M. (2019). Evidentiary issues in the use of digital evidence in Malaysian Syariah Courts. *IIUM Law Journal*.

Arab News. (2022, January). New Saudi evidence law in force. https://www.arabnews.com/node/2002506/amp

Clifford Chance. (2022, February). *An overview of the evidence law in the Kingdom of Saudi Arabia*. https://www.cliffordchance.com/content/dam/cliffordchance/briefings/2022/02/an-overview-of-the-evidence-law-en.pdf

Gulf News. (2022, January 18). *Saudi man divorces wife for blocking him on WhatsApp*. https://gulfnews.com/world/gulf/saudi/saudi-man-divorces-wife-for-blocking-him-on-whatsapp-1.86076213

Gulf News. (2024, October 30). *Saudi Arabia: Video lands expat doctor in jail over domestic violence*. https://gulfnews.com/world/gulf/saudi/saudi-arabia-video-lands-expat-doctor-in-jail-over-domestic-violence-1.1730284061025

Hossain, M. S. (2020). Admissibility of digital evidence under Sharia law: A critical assessment. *Arab Law Quarterly*.

Ibn 'Abidin. (1966). *Hashiyat Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar* (Vol. 5, p. 369).

Ibn Qayyim. (n.d.). *Al-Turuq al-Hukmiyyah* (p. 178). Maktabah Darul al-Bayan.

Kamaruddin, Z. (2020). Kedudukan dan penerimaan teknologi dalam prosiding Mahkamah Syariah. *Jurnal Hukum*.

Khan, F. (2022). Digital transformation in Saudi judiciary: Challenges and recommendations. *Saudi Law Review*.

Khan, M. (2020). The role of digital evidence in Shariah courts in Malaysia: A study on evidence and technology. *Islamic Law and Technology Journal, 8*(2), 112–130.

Kingdom of Saudi Arabia, Ministry of Justice, *Najiz Platform Overview* (Riyadh: Ministry of Justice, 2023), diakses 28 April 2025, https://najiz.sa.

Latham & Watkins. (2025). *Understanding the enforceability and admissibility of electronic signatures in Saudi Arabia's evolving legal system*. Accessed April 24, 2025, from https://www.lw.com/offices/admin/upload/SiteAttachments/Understanding-the-Enforceability-and-Admissibility-of-Electronic-Signatures-in-Saudi-Arabias-Evolving-Legal-System.pdf

Lexis Middle East. (2022, October). Saudi Arabia: Procedure guide for the law of evidence. *Lexis Legal News*. https://www.lexismiddleeast.com/news/2022-10-19_35

Lukman Abdul Mutalib, (2021). "A Systematic Analysis on the Admissibility of Digital Documents as Evidence in Malaysian Syariah Courts," *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 29, no. 3: 1981–1996.

Mohamad Azhan Yahya, & Ahmad Azam Mohd Shariff. (2021). *Kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah: Analisis permasalahan dan penyelesaiannya*. In *International Conference on Syariah & Law 2021 (ICONSYAL 2021)* (p. 704).

Mohamad Azhan Yahya, & Ahmad Azam Mohd Shariff. (2021, April 6). *Kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah: Analisis permasalahan dan penyelesaiannya*. Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Syariah & Law 2021 (ICONSYAL 2021) – Online Conference.

Mohamad Azhan Yahya, & Ahmad Azam Mohd Shariff. (2011). *Keterangan dokumen digital di Mahkamah Syariah di Malaysia: Analisis definisi dan kebolehterimaannya dari perspektif prinsip Syariah*. *Jurnal*

Hukum, 33(1), 125.

Mokhtar, M. N. (2018). *Penerimaan dokumen digital dalam Mahkamah Syariah: Cabaran dan hala tuju*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Mohamad, R. (2017). Penerimaan bukti digital dalam Mahkamah Syariah Malaysia: Satu penilaian. *Jurnal Undang-Undang Islam, 24*(2), 121–135.

Sani, Z. (2019). Technological innovations in the Malaysian legal system: A study on digital evidence in Syariah courts. *Malaysian Journal of Syariah Law, 5*(2), 145–160.

Saudi Arabian Evidence Law. (2022). *Evidence Law of Saudi Arabia* [Statute].

"Saudi Arabia: Video lands expat doctor in jail over domestic violence," *Gulf News*, 30 Oktober 2024, https://gulfnews.com/world/gulf/saudi/saudi-arabia-video-lands-expat-doctor-in-jail-over-domestic-violence-1.1730284061025?utm_source=chatgpt.com

"Saudi Man Divorces Wife for Blocking Him on WhatsApp," *Gulf News*, 18 Januari 2022, https://gulfnews.com/world/gulf/saudi/saudi-man-divorces-wife-for-blocking-him-on-whatsapp-1.86076213.

Saudi Arabia. (n.d.). *Law of Evidence*. Bureau of Experts at the Council of Ministers. Retrieved May 23, 2025, from https://laws.boe.gov.sa/BoeLaws/Laws/LawDetails/2716057c-c097-4bad-8e1e-ae1400c678d5/1

Stamatel, J. P., & Sung, H.-E. (2022). Legal systems and the use of evidence: A comparative approach. *Journal of Comparative Law*.

Stamatel, J. P., & Sung, H.-E**.** (2010). *Crime and punishment around the world* (Vol. 1: Africa and the Middle East). ABC-CLIO. https://iuristebi.files.wordpress.com/2011/07/crime-and-punishment-around-the-world-volume-1-africa-and-the-middle-east.pdf

Suruhanjaya Undang-Undang Malaysia, *Laporan Akhir: Keterangan Elektronik* (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Undang-Undang Malaysia, 2013), 5.

Tamimi & Company. (2025). The characteristics of electronic and digital evidence in Saudi Arabia. *Law Update*. Accessed April 24, 2025, from https://www.tamimi.com/law-update-articles/the-characteristics-electronic-and-digital-evidences-in-saudi-arabia/

Tamimi & Company. (2025). Recognition of foreign digital evidence under Saudi law. Accessed April 24, 2025, from https://www.tamimi.com/pdflawupdate/?pageID=23598

Wan Ismail, W. A. F., Abdul Mutalib, L., Mamat, Z., Hashim, H., Baharuddin, A. S., Mohammed Hasan, B. M., & Alias, M. A. A. (2024). *Analisis terhadap konsep penerimaan dan pengesahan E-Kitabah sebagai kaedah pembuktian menurut perundangan Islam di Malaysia*. *LexForensica: Forensic Justice and Socio-Legal Research Journal, 1*(1), 4. https://doi.org/10.33102/3rh8f970

Zainal, A. (2019). Transformasi teknologi dalam sistem kehakiman Syariah Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah Studies, 15*(1), 45–58.